

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NORMALA BINTI ABDUL SAMAD

RUJUKAN : 9504

SOALAN:

Dato' Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah serbuan dan tangkapan tempat perjudian haram yang telah dibuat sejak dari tahun 2013 serta apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian bagi memastikan semua pusat perjudian ini ditutup.

JAWAPAN:

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM), sentiasa berusaha keras untuk membanteras sebarang bentuk aktiviti perjudian haram dalam negara sehingga ke akar umbi. Walaupun operasi bagi melumpuhkan kegiatan perjudian dilakukan secara besar-besaran dan berterusan, namun aktiviti perjudian haram ini dilihat terus aktif disebabkan keuntungan yang diperolehi amat besar dan mudah yang mendorong sindiket-sindiket perjudian menggunakan pelbagai *Modus Operandi* untuk terus beroperasi dan mengelirukan pihak berkuasa. Antara *Modus Operandi* baharu yang dikesan seperti berselindung di sebalik perniagaan yang sah atas nama Pusat Hiburan Keluarga (PHK), mengubah lokasi daripada pusat komersil ke kondominium dan beroperasi di pinggir bandar dan kawasan pendalaman serta menggunakan media elektronik dengan menyebarkan *Short Message Service (SMS)* atau melalui *website* bagi mencari pelanggan baharu.

Statistik serbuan, rampasan komputer, tangkapan dan rampasan wang bagi tahun 2011 sehingga September 2016 di seluruh negara seperti berikut:-

TAHUN	SERBUAN						RAMPASAN KOMPUTER					
	2011	2012	2013	2014	2015	JAN-SEPT 2016	2011	2012	2013	2014	2015	JAN-SEPT 2016
PERJUDIAN	24505	35019	53595	9091	9104	10879	99257	134817	90114	148981	96593	188274
JUMLAH	24505	35019	53595	9091	9104	10879	99257	134817	90114	148981	96593	188274

TAHUN	TANGKAPAN						RAMPASAN WANG					
	2011	2012	2013	2014	2015	JAN- SEPT 2016	2011	2012	2013	2014	2015	JAN- SEPT 2016
PERJUDIAN	14594	20146	15241	20410	19727	24487	416159	974307	860934	1713091	1853226	1881151
JUMLAH	14594	20146	15241	20410	19727	24487	416159	974307	860934	1713091	1853226	1881151

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh PDRM bagi mengekang aktiviti perjudian haram di seluruh negara adalah seperti berikut:-

- 1) PDRM juga telah meluaskan skop operasi pembanterasan mesin perjudian dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain agensi Kerajaan yang berkaitan. Kerjasama penguatkuasaan terhadap premis perjudian turut melibatkan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Pihak Berkuasa Air Negeri. Tindakan pemotongan bekalan elektrik dan air telah dilaksanakan bagi melumpuhkan aktiviti perniagaan sindiket ini;**
- 2) Selain itu, pihak PDRM telah mengenalpasti beberapa laman sesawag berunsur perjudian dan telah bekerjasama serta memohon pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menyekat perkhidmatan laman web yang telah dikenalpasti berunsur judi tersebut. Cadangan juga telah dikemukakan kepada pihak Jabatan Peguam Negara**

untuk mengkaji semula undang-undang sedia ada berkaitan perjudian agar sesuai dengan modus operandi perjudian terkini;

- 3) Kaedah pencegahan juga telah dilaksanakan oleh PDRM dengan mengenalpasti individu atau sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian untuk diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 2013 dan Akta Pengubahan Wang Haram (AMLATFA) 2003. Bagi tahun 2014 seramai 14 individu telah diambil tindakan di bawah POCA, tahun 2015 seramai 57 individu dan bagi tahun 2016 sehingga September seramai 37 individu telah diambil tindakan kerana terlibat dalam kegiatan penganjuran perjudian haram;
- 4) Sebagai langkah tambahan selain daripada operasi yang dijalankan secara berterusan bagi mengekang kegiatan perjudian ini sehingga ke akar umbi, Kementerian melalui PDRM juga telah mengambil tindakan seperti berikut:-
 - i) Kementerian Dalam Negeri telah membentangkan Nota Makluman berhubung isu aktiviti perjudian haram pada Oktober 2014 dan Mac 2015 dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri Bil. 122 dan Bil. 123 dengan menggariskan beberapa cadangan penyelesaian serta kaedah pelaksanaan penguatkuasaan terhadap aktiviti perjudian haram secara bersepadu melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia dan agensi-agensi Kerajaan yang lain;

- ii) Melatih lebih ramai pakar-pakar berkenaan judi untuk memudahkan mereka mengenalpasti dan mengkategorikan sesuatu aktiviti itu mempunyai elemen perjudian. Di samping itu, ianya akan memudahkan proses mengemukakan keterangan bagi tujuan pendakwaan di Mahkamah;**
- iii) Meneruskan dan memperhebatkan lagi kempen-kempen dan ceramah-ceramah kesedaran tentang kesan aktiviti perjudian dengan mensasarkan golongan remaja di peringkat persekolahan. Program ini turut melibatkan pihak PBT, agensi-agensi Kerajaan, NGOs dan syarikat swasta; dan**
- iv) Kementerian Dalam Negeri telah bersetuju atas cadangan mewujudkan Kokus di peringkat Parlimen yang akan dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri bagi membincangkan permasalahan perjudian ini bagi melihat kembali prosedur, akta atau undang-undang yang sedia untuk diperkemaskan lagi dalam tempoh yang terdekat ini.**

Pihak polis sememangnya berusaha keras untuk membasmi kegiatan perjudian ini sehingga dapat ditangani sepenuhnya. Namun demikian usaha dan tindakan yang diambil oleh polis melalui operasi “Op Dadu” yang dilakukan secara agresif dan berterusan tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa penglibatan daripada orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis. Di samping itu, orang ramai perlu menghindari aktiviti tidak sihat ini yang mempertaruhkan nasib untuk mendapatkan keuntungan tanpa berusaha yang akhirnya boleh membawa

kemudahan seperti berhutang dan terlibat dalam perlakuan jenayah. Aktiviti perjudian akan terus wujud jika ada permintaan daripada pemain.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' NORMALA BINTI ABDUL SAMAD
SOALAN : NO. 125

Dato' Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji cadangan memasukkan modul literasi kewangan sebagai salah satu subjek elektif dalam setiap kursus di universiti bagi memberi pendedahan secara intensif berkenaan dengan pengurusan kewangan peribadi kepada para mahasiswa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah menghasilkan modul literasi kewangan bagi memberi pendedahan secara intensif berkenaan dengan pengurusan kewangan peribadi kepada para mahasiswa. Pihak AKPK telah berkolaborasi dengan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam pelaksanaan dan penyampaian modul yang telah dibangunkan. Modul-modul yang disampaikan antaranya adalah pengurusan aliran tunai, kepentingan membuat bajet dan simpanan serta perbankan internet.

Selain itu, kursus berkaitan literasi kewangan juga ditawarkan kepada mahasiswa di IPT melalui Kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) di bawah Kelompok U2 sebagai pilihan. Salah satu objektif penawaran kursus-kursus di Kelompok U2 MPU adalah untuk melahirkan pelajar yang menguasai.